



KERATAN AKHBAR

AKHBAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	3/10/2019	MUKA SURAT	:	24
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			

RINGKAS

Pelepasan kura-kura spesies Alligator Snapping Turtle mengganggu hidupan asal

Putrajaya: Beberapa gambar menunjukkan seekor kura-kura didakwa spesies *Alligator Snapping Turtle* dikatakan bersifat agresif dilepaskan di Tasik Putrajaya tular di media sosial sejak semalam.

Menerusi gambar yang dikongsi dalam media sosial Facebook dan Twitter, kura-kura berkenaan dibawa sekumpulan individu dipercayai selepas menjalani suatu upacara.

Berdasarkan latar pemandangan pada gambar, lokasi kura-kura itu dilepaskan dipercayai di tasik berdekatan Taman Seri Empangan, Presint 5, di sini.

Susulan itu, pengguna media sosial turut mengecam tindakan berkenaan selain mendakwa, pelepasan kura-kura spesies itu boleh mengganggu hidupan yang terdapat di Tasik Putrajaya.

Dalam pada itu, Ketua Pengarah Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara Semenanjung Malaysia (Perhilitan), Datuk Dr Abdul Kadir Abu Hashim ketika dihubungi berkata, kura-kura itu dikategorikan sebagai *invasive alien* boleh mengganggu hidupan asal di lokasi berkenaan.